

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
KUALA TERENGGANU
MAJLIS PENUTUPAN PERTANDINGAN BADMINTON PIALA PUSINGAN
PERDANA YANG KE-11
19 OGOS 1996

1. Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana berakhirnya Pertandingan Badminton Piala Pusingan Perdana yang ke-11 pada petang ini dengan jaya dan sempurna.
2. Pertandingan ini adalah unik kerana beberapa sebab. Yang pertama, pemain-pemainnya terhad kepada isteri pemimpin-pemimpin negeri dan negara sahaja sebagai termaktub dalam peraturan-peraturannya. Kedua, umur pemain dihadkan antara 30-100 tahun dan ini bererti ibu-ibu dan nenek-nenek pun boleh bermain. Statistik menunjukkan pemain-pemain dalam pertandingan ini sekurang-kurangnya telah mempunyai tiga cucu. Ketiga, majoriti pemain-pemain adalah bantam weight kalau tidak heavy-weight.
3. Kesemua sebab-sebab ini tidak menghalang isteri pemimpin-pemimpin tampil ke hadapan untuk menyertai pertandingan ini. Inilah satu lagi keunikan yang didorong oleh minat dan hasrat untuk bermesra dengan rakan-rakan dan lawatan melalui sukan badminton.
4. Pertandingan ini wujud pada tahun 1985 anjuran BAKTI dengan tujuan lebih utama kepada kemesraan pada merebut kejohanan. Yang tidak pandai memegang raket dan memukul bola tangkis mula melatih dengan peraturan dan cara bermain. Tahun demi setahun raket berjinak dengan bola tangkis dan pemain lincah bergerak rata gelanggang. Pemain-pemain semakin serius hingga pada tahun 1991 diputuskan tidak lagi mengambil pemain-pemain luar untuk membantu ahli-ahli Persatuan.
5. Kesanggupan pemain-pemain menyertai pertandingan ini membuktikan bahawa setiap negeri serius dengan membaiki taraf permainan mereka. Untuk bersedia bagi pertandingan ini sahaja, bertambah banyak perlawanan persahabatan peringkat zon utara, tengah dan selatan dianjurkan dengan kerjasama erat pasukan-pasukan. Dengan itu terdapatlah pertandingan tiga penjuru, empat penjuru dan sebagainya dengan tujuan berlatih sesama dan menguji kebolehan dan kecekapan diri dan lawan.
6. Pada tahun ini juga, diperkenalkan sistem ranking di mana kekuatan pemain diuji dalam pasukan masing-masing dan disenaraikan untuk pertandingan. Sistem ini digunakan untuk mendapat permainan yang adil dan intensif dan kita telahpun lihat sendiri pemain-pemain wanita yang handal belaka.
7. Syabas saya ucapkan kepada semua pemain-pemain pasukan yang datang. Saya tahu ada pasukan yang kurang pemain-pemain yang handal, sukar memujuk ahli-ahli menyertai dan berlatih tetapi kehadiran mereka dalam empat hari ini membuktikan bahawa mereka komited untuk bermain untuk pasukan dan negeri masing-masing.

Ada yang membawa anak yang sedang menyusui supaya anak tidak kehausan susu ibu. Begitulah keazaman kaum wanita. Syabas kepada semua.

8. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan --- kerana menjadi Johan dalam pertandingan Piala Pusingan Perdana 1996 ini. Piala ini adalah piala yang ketiga dan yang kedua disumbangkan oleh Perdana Menteri sendiri. Berbeza daripada tahun-tahun yang lepas, piala pusingan ini tiada terhad kepada lima tahun sahaja tetapi berterusan. Pasukan --- tentu sekali berbangga menjadi pemenangnya yang pertama.

9. Kepada Naib Johan dan yang lain pasukan yang tidak mendapat tempat, saya harap tidak berasa hampa malahan mengambil pengalaman-pengalaman yang telah didapati dalam empat hari ini sebagai suatu ajaran latihan bagi memperbaiki permainan sendiri. Adalah disyorkan Kerajaan-kerajaan Negeri membina gelanggang badminton bertutup di kawasan kediaman Menteri Besar dan Ketua Menteri, supaya ahli-ahli badan amal yang terdiri daripada isteri pemimpin-pemimpin boleh berkumpul dan tidak sukar bermain di situ. Saya percaya ini terdapat di sebilangan kecil kediaman-kediaman rasmi sahaja.

10. Bagi pihak BAKTI dan Badan-badan Amal Negeri dan saya sendiri, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak ternilai tingginya kepada semua yang berusaha siang dan malam, menyumbangkan tenaga, masa dan titik peluh, tidak kira wang ringgit sendiri untuk menentukan pertandingan Piala Pusingan Perdana yang kesebelas ini berjalan dengan licin dan sempurna hinggalah ke kemuncaknya pada petang ini.

11. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada tuan rumah Srikandi dan Kerajaan Negeri Terengganu yang menentukan keselesaan semua pasukan.

12. Syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Toh Puan Aishatun dan Jawatankuasanya atas segala urusan pertandingan. Saya tidak lupa para umpire dan linesmen yang bertugas, pengurus-pengurus pasukan dan pasukan perubatan yang bersedia.

13. Kepada saudari-saudari pemain-pemain badminton, saya berasa bangga dan megah bahawa saudari-saudari berjaya menegakkan imej wanita dan boleh menghadapi cabaran dengan menunjukkan kegigihan dan kehandalan sewaktu di gelanggang tetapi bertukar ke lembut gemalai dan ayu sewaktu malam. Syabas!.

14. Mengakhiri ucapan saya ini, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan YAB Menteri Besar Terengganu kerana memberi sokongan penuh kepada Pertandingan Badminton ini dengan kehadiran beliau sendiri. Ini adalah kehormatan dan galakan kepada ahli-ahli badan amal dan disanjung tinggi.

Negeri Terengganu di pantai timur
Pasirnya putih, lautnya biru
Selamat sudah, kami bersyukur
Empat hari cepat berlalu

Semoga Allah selamatkan pulang
Baliklah kita ke negeri-negeri
Semoga sihat umur pun panjang
Di --- nanti berjumpa lagi.

14. Terima kasih --- kerana menjadi tuan rumah pa